

Media Monitoring

Publication: **Berita Harian – Nasional (Online)**

Circulation/Audience:

Date: **29 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Seri Paduka rasmi Piala Monsun 2007**

Seri Paduka rasmi Piala Monsun 2007

KUALA TERENGGANU: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin menyempurnakan perasmian Piala Monsun 2007 di Kelab Teluk Warisan, Pulau Duyong, di sini, semalam yang turut menjadi pentas melengkapkan pelayaran Jelajah World Match Racing (WMRT) 2006/2007.

Acara perasmian bermula dengan perarakan air membawa kontinjen bersama Piala Monsun dan piala kristal WMRT dari Dataran Shahbandar ke Kelab Teluk Warisan.

Perarakan 12 pasukan daripada sembilan negara bersama artis popular tanah air, Mawi, Jehan Miskin, Raja Azura, Mila dan Faizal serta dua piala kebanggaan pelayar dunia menaiki kapal Jabatan Laut diiringi pukulan rebana ubi.

Sebanyak 12 bot penambang dan 10 perahu layar turut mengiringi kapal yang membawa pelayar dunia untuk menuju ke pentas utama di Kelab Teluk Warisan.

Piala Monsun diserahkan pelayar negara, Datuk Azhar Mansor kepada Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh sebelum dipersembahkan kepada Tuanku Mizan.

Permaisuri Agong, Permaisuri Nur Zahirah dan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah turut berkenan berangkat ke majlis itu.

Hadir sama Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja, Tengku Seri Panglima Raja Tengku Baderulzaman.

Dengan perasmian itu, bermulalah kejohanan selama lima hari yang juga menjadi penentu juara siri WMRT.

Dua belas pasukan akan menampilkan aksi mendebarkan menerusi kecekapan jurumudi dunia terdiri daripada Mathieu Richard yang mengetuai pasukan Saba Sailing dari Perancis, Ian Williams (Pindar/United Kingdom), Paolo Cian (Shosholoza/Itali), Sebastian Col (Areva Challenge/Perancis), Bjorn Hansen (Apport.Net/Sweden), Datuk Peter Gilmour (PST/Australia).

Jesper Radich (Radich Sailing/Denmark), Staffan Lindberg (Alandia Sailing/Finland), Torvar Mirsky (Mirsky Racing/Australia), Katie Spithill (Acuity/Australia), Adam Minoprio (Blackmatch Racing/New Zealand) dan Tiffany Khoo Yee Chin (UK Halsey Gapurna/Malaysia).